

3756/2
Prinsip Perakaunan
Kertas 2
2 ½ jam

Nama :

Tingkatan :



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
(CAWANGAN PULAU PINANG)

MODUL LATIHAN BERFOKUS SPM 2019

PRINSIP PERAKAUNAN

KERTAS 2

2 JAM 30 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B**.
3. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
5. **Tunjukkan kerja mengira**. Ini membantu anda mendapatkan markah.
6. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik

Modul ini mengandungi 18 halaman bercetak

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan

- 1 (a) Nyatakan ciri kualitatif tertingkat yang sesuai bagi setiap pernyataan di bawah.
- (i) Maklumat dalam Penyata Kewangan boleh disahkan dan memberi jaminan kepada pengguna bahawa maklumat dalam Penyata Kewangan boleh dipercayai. [1 markah]
- (ii) Maklumat Penyata Kewangan tahun semasa Syarikat Bestari Berhad boleh dibandingkan dengan maklumat kewangan yang dikemukakan bagi tempoh perakaunan yang lepas. [1 markah]
- (b) Pada 1 Januari 2019, Encik Azran memulakan perniagaan Kedai Sukan Muhibah yang membekalkan pelbagai jenis alatan sukan.

MEMO	KEDAI SUKAN MUHIBAH No 8 Cheng Parade 15200 Pulau Pinang	TARIKH: 20 April 2019
<u>PERINGATAN:</u> Mengambil 20 batang raket badminton bernilai RM2 400 untuk disumbangkan kepada anak-anak yatim Cahaya Kasih.		
		<i>Azran</i> _____ Pengurus

Catatkan maklumat perniagaan tersebut ke dalam Buku Catatan Pertama Kedai Sukan Muhibah (keterangan tidak diperlukan).

[2 markah]

- (c) Lengkapkan jadual berikut untuk membetulkan kesilapan yang telah dibuat oleh Kedai Runcit Ana.

Kesilapan	Pembetulan	
	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
Pemilik membawa masuk penghawa dingin bernilai RM 2 200 untuk kegunaan perniagaan. Perkara ini belum direkod dalam mana-mana buku		

[2 markah]

(d) Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Berjaya Berhad

- Modal berbayar pada 31 Januari 2018 terdiri 200 000 unit 6% Syer Keutamaan bernilai RM 1.50 sesyer
- Pada 1 Julai 2018, syarikat telah memutuskan untuk membayar Dividen 6% kepada Syer Keutamaan
- Tempoh perakaunan syarikat berakhir 31 Disember setiap tahun

Hitung dividen interim

[2 markah]

(e) Hitung kos prima Kilang Sabun Makmur berdasarkan maklumat dibawah:

Butiran	RM
Kos bahan langsung	90 000
Kos buruh langsung	40 000
Kos overhead	20 000
Cap dagangan	15 000

[2 markah]

- 2 Cik Sharifah , pemilik tunggal Sharifah Enterprise yang telah beroperasi di Pulau Pinang sejak beberapa tahun yang lalu. Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perniagaannya pada 31 Julai 2019:

	Debit	Kredit
	RM	RM
Peralatan (kos)	50 000	
Kenderaan (kos)	80 000	
Pada 1 Ogos 2018:		
Susut Nilai Terkumpul Peralatan		12 000
Inventori	21 500	
Peruntukan Hutang Ragu		500
Modal		86 387
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	28 600	19 645
Bank	5 764	
Pinjaman Agro Bank		10 000
Pinjaman MBB		6 000
Ambilan	12 000	
Belian dan Jualan	118 040	254 650
Pulangan	2 471	3 830
Angkutan atas belian	1 150	
Sewa	9 600	
Komisen		9 160
Hutang lapuk	1 247	
Gaji	68 450	
Faedah pinjaman	1 350	
Belanja pentadbiran	2 000	
	<u>402 172</u>	<u>402 172</u>

Maklumat Tambahan:

- (i) Penilaian inventori pada 31 Julai 2019:
 Harga kos RM23 000
 Harga jualan RM51080
- (ii) Kenderaan telah dibeli pada 1 November 2018.

- (iii) Polisi susut nilai:
 Peralatan - 10% setahun kaedah baki berkurangan
 Kenderaan – 15% setahun kaedah ansuran tetap
- (iv) Seorang Akaun Belum Terima didapati telah mufis dan akaunnya berjumlah RM300 hendaklah dihapuskan.
- (v) Peruntukan Hutang Ragu hendaklah diselaraskan pada kadar 3% atas Akaun Belum Terima bersih
- (vi) Sewa dibayar setiap suku tahun. Sewa yang dibayar adalah termasuk RM2 400 bagi suku tahun yang berakhir 30 September 2019.

(vii) Pinjaman:

Jenis pinjaman	Kadar faedah	Tarikh mula	Tarikh tamat
Pinjaman Agro Bank	12% setahun	1 April 2017	31 Mac 2020
Pinjaman MBB	10% setahun	1 Januari 2018	31 Disember 2020

(viii) Maklumat berikut adalah berkaitan dengan komisen:

	<u>Penerimaan</u>	<u>Pendapatan</u>
	RM	RM
Komisen	9 160	9 940

(ix) Angkutan atas jualan RM420 telah direkod sebagai angkutan atas belian.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Peruntukan Hutang Ragu [2 markah]
- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2019 [12 markah]
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2019 [11 markah]

- 3 Siti, Bella dan Mala merupakan pekongsi bagi Perkongsian SBM. Mereka membahagikan untung atau rugi mengikut nisbah 2:1:1. Pada 1 Julai 2019, mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian mereka.

Berikut adalah maklumat bagi Perkongsian SBM pada 30 Jun 2019.

<u>Aset</u>	RM
Premis	75 000
Kenderaan	33 700
Alatan Pejabat	12 600
Simpanan Tetap	10 000
Akaun Belum Terima	8 440
Inventori	12 340
Bank	330
<u>Liabiliti</u>	
Pinjaman	54 000
Akaun Belum Bayar	18 200
<u>Ekuiti Pemilik</u>	
Modal Siti	40 000
Modal Bella	20 000
Modal Mala	20 000
Akaun Semasa Siti	1 163(k)
Akaun Semasa Bella	1 000(k)
Akaun Semasa Mala	1 953(d)

Perkara berikut telah dipersetujui ketika pembubaran.

- i) Premis, inventori dan alatan pejabat telah direalis dengan harga RM68 100.
- ii) Hanya 90% daripada Akaun Belum Terima yang berjaya dikutip.
- iii) Siti telah mengambil alih kenderaan dengan harga RM 24 700.
- iv) Kos pembubaran ialah RM500.
- v) Bella bersetuju untuk membayar 50% daripada pinjaman.
- vi) Akaun Belum Bayar diselesaikan sepenuhnya.
- vii) Baki Akaun Semasa pekongsi dipindahkan ke Akaun Modal masing-masing.

- viii) Akaun Simpanan Tetap telah ditutup dan faedah atas simpanan tetap RM500 telah diterima.
- ix) Pekongsi yang mengalami kekurangan modal bersetuju untuk menampung sebarang kekurangan dengan membawa masuk wang simpanan peribadi ke dalam perniagaan.
- x) Semua penerimaan dan pembayaran dibuat melalui bank.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Realisasi [8 markah]
- (b) Akaun Modal (beruangan) [7 markah]
- (c) Akaun Bank [10 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 Pada 1 Oktober 2019, Encik Shafiq menubuhkan Shafiq Enterprise di George Town, Pulau Pinang. Beliau membawa masuk aset berikut sebagai modal permulaan:

	RM
Lengkapan	18 000
Tunai di bank	12 000
Tunai di tangan	5 000
Simpanan tetap	10 000

Maklumat berikut merupakan anggaran penerimaan dan pembayaran perniagaan beliau bagi suku tahun berakhir 31 Disember 2019:

- i. Anggaran belian dan jualan:

Bulan	Jualan (RM)	Belian (RM)
Oktober	24 600	18 300
November	25 900	26 200
Disember	42 000	28 700

- ii. Sebanyak 70% daripada jualan adalah secara tunai. Bakinya akan dibayar oleh pelanggan pada bulan berikutnya. Perniagaan dijangka mewujudkan peruntukan hutang ragu sebanyak RM50 setiap bulan.
- iii. Sebanyak 60% daripada belian adalah secara tunai. Bakinya akan diberi tempoh kredit dua bulan.
- iv. Pada bulan Oktober, sebuah kenderaan bernilai RM30 000 akan dibeli dengan membayar 1% deposit. Bakinya akan dibayar secara ansuran selama satu tahun mulai bulan November 2019. Kenderaan akan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- v. Pada awal bulan Oktober, tiga orang pekerja diambil dan pada bulan November, seorang lagi pekerja akan diambil. Gaji bulanan setiap pekerja adalah RM1 200.
- vi. Pekerja dibayar elaun kerja lebih masa RM8 sejam setiap orang. Setiap pekerja perlu bekerja lebih masa 3 jam setiap hari selama 20 hari setiap bulan.

- vii. Kadar bayaran bulan semasa akan dibayar pada bulan berikutnya, manakala sewa bulanan akan dibayar pada hujung bulan berkenaan. Pada bulan Disember, sewa dijangka naik sebanyak 15%.

	Oktober	November	Disember
	RM	RM	RM
Kadar bayaran	240	270	290
Sewa	2 800	2 800	?

- viii. Akaun simpanan tetap akan ditutup pada bulan Disember dan faedah atas simpanan sebanyak RM75 akan diterima.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2019

[20 markah]

5. Maklumat berikut ialah ringkasan penerimaan dan pembayaran Kelab Sukan Wirawati, Bandar Seberang Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

	RM
Yuran keahlian	2 800
Derma	3 800
Sewa dibayar	3 900
Honorarium	275
Pinjaman daripada bank	1 250
Gaji pekerja	1 250
Kutipan larian amal	685
Belanja membaiki rumah kelab	480
Belian alatan sukan	4 200
Belanja am	77
Jualan tiket karnival sukan	900
Faedah simpanan tetap	1 280
Belanja karnival sukan	358
Belanja larian amal	98

Maklumat tambahan:

- (i) Baki tunai di tangan pada 1 Januari 2018 ialah RM560
- (ii) Sewa dibayar termasuk sewa sebanyak RM650 bagi tempoh 1 Januari hingga 28 Februari 2019
- (iii) Belanja am sebanyak RM77 termasuk belanja am belum bayar RM17 bagi tahun 2017. Belanja am belum bayar bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM15
- (iv) Yuran yang diterima termasuk RM28 bagi tahun 2019
- (v) Pada 1 Januari 2018, kelab ini mempunyai alatan sukan bernilai RM4 000 dan simpanan tetap sebanyak RM2 500
- (vi) Pada 31 Disember 2018, yuran belum diterima ialah RM80
- (vii) Semua alatan sukan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun
- (viii) Derma yang diterima digunakan untuk membeli peralatan gimnasium

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata dana terkumpul pada 1 Januari 2018
[3 markah]
- (b) Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2018
[4 markah]
- (c) Akaun Yuran keahlian
[4 markah]
- (d) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018
(tunjukkan nilai untung/rugi daripada aktiviti kelab)
[9 markah]

- 6 Pada 1 Jun 2019 Encik Fairus Hashim memulakan Kedai Alatan Elektrik Fairus di Bayan Baru, Pulau Pinang dengan aset berikut:

	RM
Tunai di Tangan	2 500
Tunai di Bank	27 500

Dokumen perniagaan berikut menunjukkan urus niaga Kedai Alatan Elektrik Fairus sepanjang bulan Jun 2019.

Tarikh :	<u>1 Jun 2019</u>																
Penerima :	<u>Kerani Akaun</u>																
Untuk :	<u>Tunai Runcit</u>																
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 40%;">Baki akhir</td> <td style="width: 30%; text-align: right;">27 500</td> <td style="width: 30%; text-align: right;">00</td> </tr> <tr> <td>Deposit</td> <td style="text-align: center;">-</td> <td style="text-align: center;">-</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td style="text-align: right;">27 500</td> <td style="text-align: right;">00</td> </tr> <tr> <td>Cek ini</td> <td style="text-align: right;">200</td> <td style="text-align: right;">00</td> </tr> <tr> <td>Baki</td> <td style="text-align: right;">27 300</td> <td style="text-align: right;">00</td> </tr> </table>			Baki akhir	27 500	00	Deposit	-	-	Jumlah	27 500	00	Cek ini	200	00	Baki	27 300	00
Baki akhir	27 500	00															
Deposit	-	-															
Jumlah	27 500	00															
Cek ini	200	00															
Baki	27 300	00															
No: 285801																	

Keratan Cek

Dokumen 1

ASAL

INVOIS

INV8349

PUSAT PERABOT RAYA
Lot 83, Lebu Nipah 5,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.
04-6453562

Tarikh: 1 Jun 2019

Kepada
Kedai Alatan Elektrik Fairus
No 5, Hilir Nibong 1,
11950 Bayan Baru, Pulau Pinang.

Bil	Butir	Harga Seunit (RM)	Unit	Jumlah (RM)
1.	Rak Pameran	600	3	1800
2	Meja Komputer	500	1	500
Jumlah				2 300

Ringgit : Dua ribu tiga ratus sahaja
Syarat: 10% 5 hari, 5% 10 hari
Serahan: Angkutan dibayar
K. & K. di K

Fairus
(Penerima)

Alex
(Pengurus)

Dokumen 2

SLIP DAFTAR TUNAI
Wah Cee Enterprise
1-1-10 Tingkat Mahsuri 5,
11950 Bayan Baru, Pulau Pinang
04-6454547

Tarikh: 2 Jun 2019

Butiran	Harga Seunit (RM)	Unit	Jumlah
Kertas A4	11	2	22
Pen Marker	3	3	9
Jumlah			31
Tunai			40
Baki			9

Terima Kasih

Dokumen 3

ASAL	<p>INVOIS</p> <p>PERNIAGAAN BONG SDN BHD No 2, Jalan Burmah 10050 Georgetown, Pulau Pinang. 04-2296564</p>	A5433																																			
		Tarikh: 3 Jun 2019																																			
Kepada Kedai Alatan Elektrik Fairus No 5, Hilir Nibong 1, 11950 Bayan Baru, Pulau Pinang.																																					
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr> <th style="width: 10%;">Bil</th> <th style="width: 40%;">Butir</th> <th style="width: 15%;">Harga (RM)</th> <th style="width: 10%;">Unit</th> <th style="width: 25%;">Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Pembakar roti</td> <td>40</td> <td>30</td> <td>1 200</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Seterika</td> <td>60</td> <td>20</td> <td>1 200</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Cerek Elektrik</td> <td>80</td> <td>20</td> <td>1 600</td> </tr> <tr> <td colspan="4"></td> <td>4 000</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right;">Tolak: Diskaun niaga 20%</td> <td>800</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right;">Jumlah</td> <td>3 200</td> </tr> </tbody> </table>			Bil	Butir	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)	1.	Pembakar roti	40	30	1 200	2	Seterika	60	20	1 200	3	Cerek Elektrik	80	20	1 600					4 000	Tolak: Diskaun niaga 20%				800	Jumlah				3 200
Bil	Butir	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)																																	
1.	Pembakar roti	40	30	1 200																																	
2	Seterika	60	20	1 200																																	
3	Cerek Elektrik	80	20	1 600																																	
				4 000																																	
Tolak: Diskaun niaga 20%				800																																	
Jumlah				3 200																																	
Ringgit : Tiga ribu dua ratus sahaja Syarat: 10% 7 hari Serahan: Angkutan dibayar K. & K. di K																																					
<u>Fairus</u> (Penerima)		<u>Bong</u> (Pengurus)																																			

Dokumen 4

<p>BAUCAR TUNAI RUNCIT</p> <p>Kedai Alatan Elektrik Fairus No 5, Hilir Nibong 1, 11950 Bayan Baru, Pulau Pinang.</p>	BTR1001						
Tarikh : 5 Jun 2019							
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr> <th style="width: 70%;">Keterangan</th> <th style="width: 30%;">Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Upah mencuci kedai</td> <td>60</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">JUMLAH</td> <td>60</td> </tr> </tbody> </table>		Keterangan	Jumlah (RM)	Upah mencuci kedai	60	JUMLAH	60
Keterangan	Jumlah (RM)						
Upah mencuci kedai	60						
JUMLAH	60						
Ringgit: Enam puluh sahaja Tunai/No. Cek:							
<u>Noor</u> (Penerima)	<u>Fairus</u> (Pengurus)						

Dokumen 5

SALINAN

INVOIS

A1001

KEDAI ALATAN ELEKTRIK FAIRUS
No 5, Hilir Nibong 1,
11950 Bayan Baru, Pulau Pinang.

Tarikh: 7 Jun 2019

Kepada
Kedai Elektrik Syifa
Lot 10, Jalan Teluk Kumbar,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Bil	Butir	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)
1.	Pembakar roti	80	10	800
3	Cerek Elektrik	120	10	1 200
				2 000
Tolak: Diskaun niaga 10%				200
Jumlah				1 800

Ringgit : Seribu lapan ratus sahaja
Syarat: 10% 5 hari
Serahan: Angkutan dibayar
K. & K. di K

Syifa
(Penerima)

Fairus
(Pengurus)

Dokumen 6

ASAL	<p>INVOIS</p> <p>PERNIAGAAN LSS 25, Jalan Batu Maung 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang. 04-6267536</p>	No. 3438																																					
		Tarikh: 10Jun 2019																																					
<p>Kepada Kedai Alatan Elektrik Fairus No 5, Hilir Nibong 1, 11950 Bayan Baru, Pulau Pinang.</p>																																							
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr> <th style="width: 5%;">Bil</th> <th style="width: 45%;">Butir</th> <th style="width: 15%;">Harga (RM)</th> <th style="width: 10%;">Unit</th> <th style="width: 25%;">Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Pengering Rambut</td> <td>90</td> <td>20</td> <td>1 800</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Kipas mini</td> <td>150</td> <td>10</td> <td>1 500</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Pengisar</td> <td>60</td> <td>20</td> <td>1 200</td> </tr> <tr> <td colspan="4"></td> <td>4 500</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right;">Tolak: Diskaun niaga 20%</td> <td>900</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right;">Jumlah</td> <td>3 600</td> </tr> </tbody> </table>					Bil	Butir	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)	1.	Pengering Rambut	90	20	1 800	2	Kipas mini	150	10	1 500	3	Pengisar	60	20	1 200					4 500	Tolak: Diskaun niaga 20%				900	Jumlah				3 600
Bil	Butir	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)																																			
1.	Pengering Rambut	90	20	1 800																																			
2	Kipas mini	150	10	1 500																																			
3	Pengisar	60	20	1 200																																			
				4 500																																			
Tolak: Diskaun niaga 20%				900																																			
Jumlah				3 600																																			
<p>Ringgit : Tiga ribu enam ratus sahaja Syarat: 10% 8 hari Serahan: Angkutan dibayar K. & K. di K</p>																																							
<p><u>Fairus</u> (Penerima)</p>			<p><u>Ieman</u> (Pengurus)</p>																																				

Dokumen 7

Asal	<p>RESIT RASMI</p> <p>PERNIAGAAN BONG SDN BHD No 2, Jalan Burmah 10050 Georgetown, Pulau Pinang. 04-2296564</p>	No.7483
		Tarikh: 12 Jun 2019
<p>Diterima daripada : <u>Kedai Alatan Elektrik Fairus</u> Ringgit : <u>Tiga ribu dua ratus sahaja</u> Untuk Bayaran : <u>Bayaran invois no: A5433</u></p>		
<p>RM3 200.00 Tunai/No. Cek: PBB 285803</p>		
		<p><u>Bong</u> (Pengurus)</p>

Dokumen 8

ASAL	NOTA KREDIT			No. 1115
	PERNIAGAAN LSS 25, Jalan Batu Maung 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang. 04-6267536			
				Tarikh: 13 Jun 2019
Kepada Kedai Alatan Elektrik Fairus No 5, Hilir Nibong 1, 11950 Bayan Baru, Pulau Pinang.				
Bil	Butir	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)
1.	Pengering Rambut (dikembalikan kerana rosak)	90	2	180
				180
Tolak: Diskaun niaga 20%				36
Jumlah				144
Ringgit : Seratus empat puluh empat sahaja				
<u>Fairus</u> (Penerima)			<u>leman</u> (Pengurus)	

Dokumen 9

SALINAN	BIL TUNAI			BT1001
	KEDAI ALATAN ELEKTRIK FAIRUS No 5, Hilir Nibong 1, 11950 Bayan Baru, Pulau Pinang.			
				Tarikh: 15 Jun 2019
Kepada Dusun Resort Jalan Kenari, Sungai Ara, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.				
Bil	Butir	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)
1.	Pengering rambut	130	5	650
3	Cerek Elektrik	120	5	600
JUMLAH				1 250
Ringgit : Seribu dua ratus lima puluh sahaja Tunai/No. Cek: MBB463274				
<u>Syifa</u> (Penerima)			<u>Fairus</u> (Pengurus)	

Dokumen 10

BAUCAR BAYARAN		01/19
KEDAI ALATAN ELEKTRIK FAIRUS No 5, Hilir Nibong 1, 11950 Bayan Baru, Pulau Pinang.		
Tarikh: 29 Jun 2019		
Keterangan	Jumlah (RM)	
Sewa kedai bulan Jun 2019	1 100	
Ringgit : Satu ribu satu ratus sahaja Tunai/ No. Cek :		
<u>Rahmat</u> Penerima	<u>Fairus</u> Pengurus	

Dokumen 11

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|---|------------|
| (a) Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan) | [3 markah] |
| (b) Jurnal Belian | [3 markah] |
| (c) Jurnal Jualan | [2 markah] |
| (d) Jurnal Pulangan Belian | [2 markah] |
| (e) Buku Tunai | [6 markah] |
| (f) Buku Tunai Runcit (dengan menunjukkan lajur alat tulis dan belanja pejabat) | [4 markah] |

KERTAS SOALAN TAMAT